

16 OCT 1998

Annuar-Belanjawan

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DIJANGKA TERUS DIUTAMAKAN

KOTA BAHARU, 16 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan memberikan penekanan dalam pembangunan luar bandar pada Belanjawan 1999, yang akan dibentangkannya pada 23 Okt ini.

Sebelum ini Perdana Menteri telah menyatakan bahawa cukai yang akan dikenakan dalam belanjawan tersebut, tidak akan membebankan rakyat, kata Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa hari ini.

"Projek-projek prasarana, bekalan elektrik, air dan pembasmian kemiskinan dijangka akan mendapat peruntukan yang mencukupi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Desa Pahlawan, di Desa Pahlawan dekat sini, hari ini.

Annuar berkata walaupun peruntukan untuk kementerian itu pada tahun depan belum diketahui, beliau berharap sekurang-kurangnya ia menyamai peruntukan tahun ini, iaitu RM1.1 bilion.

Beliau berkata, belanjawan 1999 itu juga dijangka memberi peluang lebih baik kepada kontraktor kecil, khususnya kontraktor kelas F untuk mendapatkan projek-projek di kawasan luar bandar.

Katanya, projek-projek kecil di kawasan luar bandar mempunyai peranan merangsang pertumbuhan ekonomi.

Selain itu, beliau Annuar berkata agensi-agensi di bawah kementeriannya sedang berusaha untuk meningkatkan pendapatan peneroka, termasuk di ladang-ladang getah dan kelapa sawit, melalui projek-projek hiliran.

Perancangan sedang dijalankan untuk mengusahakan ternakan lembu secara besar-besaran di ladang kelapa sawit di seluruh negara, bagi meningkatkan pendapatan peneroka selain mengurangkan import daging, katanya.

Beliau berkata, sebagai permulaan, ladang kelapa sawit milik kerajaan dan swasta di Terengganu, yang dianggarkan seluas 32,000 hektar dipilih, untuk melaksanakan projek ternakan itu.

--BERNAMA

BD RI